

Nama: \_\_\_\_\_

Ting : \_\_\_\_\_

**CAKAP AJUK-CAKAP PINDAH**

**Anda perlu:**

1. Menggugurkan semua tanda baca kecuali tanda koma dan noktah.
2. Menambahkan imbuhan pada kata kerja (jika perlu) untuk menjadikan ayat cakap pindah yang gramatis.
3. Sila ikuti peraturan berikut :

Bil	Perkara	Contoh penggunaan dalam cakap ajuk	Contoh penggunaan dalam cakap pindah
1	Kata singkatan	nak	hendak
		mak	emak
		kak	kakak
		tak	tidak
2	Kata ganti nama tunjuk/ masa/ tempat	ini	Itu
		demikian	begitu
		begini	begitu
		demikian ini	demikian itu
		sekarang	ketika itu
		esok	hari berikutnya/ esoknya
3	Kata seru	di sini	di situ
		di pondok ini	di pondok itu
		Cis	Dengan perasaan marah/ marahnya,
		Amboi	Dengan perasaan terkejut
		Hore	Dengan gembiranya
		Aduhai	Dengan perasaan sedih/ mengeluh
		Syabas	Dengan perasaan puas, memuji, me ngucapkan tahniah
		Eh	Dengan nada hairan
		Aduh	Sambil mengerang kesakitan/ Dengan kesakitan
		Nah	...menyatakan perasaan marah ketika memberi sesuatu . – Dengan perasaan marah
		Oh	...menyatakan perasaan terkejut atau untuk merayu – Dengan perasaan terkejut/ Dengan merayu- rayu
		Wah	...menyatakan perasaan hairan, terkejut atau gembira – Dengan perasaan gembira
4	Kata ganti nama diri	Wahai	...menyatakan perasaan sayu, sayang, me rayu atau menarik - Dengan perasaan sayu.
		Ceh	...mengejek – Dengan nada mengejek
		Saya /aku /kamu /engkau/ -ku /patik /tuan hamba	Dia, ia, -nya, beliau
5	Ayat tanya	Kita/ kami /kamu semua/ kalian	Mereka
		Beta/ Tuanku	Baginda
		Apakah ?	...ingin tahu <b><u>perkara/keadaan</u></b>
		Mengapa?	...ingin tahu <b><u>sebab/punca/faktor</u></b>
		Di mana?	...ingin tahu <b><u>tempat/ lokasi</u></b>
		Bagaimana ?	...ingin tahu <b><u>cara</u></b>
		Siapa?	...ingin tahu <b><u>orang</u></b>
		Bila ?	...ingin tahu <b><u>masa</u></b>
5	Ayat tanya	Adakah ?	...ingin <b><u>tahu sama ada</u></b>
		Berapa?	...ingin tahu <b><u>jumlah/bilangan</u></b>
		“Mengapa kamu tidak hadir ke sekolah semalam?” kata Hakim kepada Ashton.	...bertanya kepada (siapa) ...bertanyakan (siapa) ...menanyakan (apa/perkara/hal) kepada ...bertanya tentang (apa/perkara/hal) ...mengajukan pertanyaan tentang (apa/ perkara hal) kepada

6	Ayat penyata	“Saya sakit perut semalam,” kata Ashton.	Menurut Ashton... ...mengatakan bahawa ...memberitahu bahawa ...menerangkan bahawa ...menjelaskan, menceritakan, menjawab ...berpendapat, berpendirian, berpandangan....
7	Ayat perintah	<b><u>Ayat suruhan</u></b> Kamu bersihkan bilik ini sebelum pulang.	...menyuruh ...memberikan arahan ...mengarahkan
		<b><u>Ayat larangan</u></b> Jangan buang sampah di sini.	...menegah ...melarang
		<b><u>Ayat permintaan</u></b> Tolong belikan saya sehelai baju.	...meminta ...memohon ...menginginkan
		<b><u>Ayat silaan</u></b> Sila datang ke rumah saya.	...mengundang ...mempersilakan ...menjemput ...mempelawa
8	Bahasa Arab	alhamdulillah	...mengucap syukur
		lahaulawala kuwatailla	...mengucap panjang

### Latihan 1

BIL	CAKAP AJUK	CAKAP PINDAH
1	“ <i>Saya</i> masih belum makan,” kata Ravindran.	
2	“Aduh, peningnya kepalaku!” kata Caleb.	
3	“Jangan buang sampah di sini,” kata Johnny kepada Wing Luo.	
4	“Aku berharap engkau dinaikkan pangkat segera,” kata Khew kepada Katthy.	
5	“ Saya berdoa agar kalian mendapat rezeki yang melimpah,”kata Joshua.	
6	“Mengapa kamu tak hadir sekolah semalam?” kata Hakim kepada Ashton.	
7	“Saya sakit perut semalam,” kata Ashton.	
8	“Kamu bersihkan bilik ini sebelum pulang,” kata Puan Khadizah kepada Daniel.	
9	“Tolong belikan kami makanan dan minuman,” kata Edmund kepada William.	
10	“ Silalah kamu semua datang ke rumah saya tengah hari ini,” kata Ngai.	

11	“ Alhamdulillah, saya berjaya mendapat keputusan yang cemerlang,” kata Zain kepada Arief.	
12	“Tuanku sedang bersantap sekarang,” kata Bendahara.	
13	“ Nah, ambil balik wang kau!” kata Sze Jian kepada Kevin.	
14	“ Di manakah kita akan berjumpa?” tanya Meng Shen.	
15	“ Adakah kucing ini kucing betina atau kucing jantan?” kata Sai Hong.	
16	“Oh, kekasihku, kembalilah kepada ku!” kata Praveen.	
17	“ Hore, Manchester berjaya mengalahkan Liverpool!” kata Cheng Choong.	
18	“Mak, tolong belikan saya patung beruang itu,” kata Chong Yang.	
19	“ Bagaimana kamu mendapat jawapan bagi soalan ini?” kata Jason kepada Eric.	
20	“Syabas, kerja awak amat memuaskan hati saya!” kata Encik Harun kepada Kern Chern.	

**Latihan 2 :** *Tulis petikan di bawah semula dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah.*

- Aiman : Apakah rancangan awak pada masa cuti ini, Kok Seong?  
 Kok Seong : Saya tidak mempunyai apa-apa rancangan.  
 Aiman : Kalau begitu, saya cadangkan awak mengikut saya pulang ke kampung saya.  
 Kok Seong : Apakah yang menarik di kampung awak?  
 Aiman : Di kampung saya ada sungai, kita boleh memancing di sana. Sekarang juga musim buah-buahan.

Jawapan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_